

## PERKONGSIAN PROFESIONAL KEMAHIRAN PENDIDIKAN ABAD KE-21

Pengalaman Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA) melalui pelaksanaan program Malaysia Technical Cooperation Programme (MTCP) selama 16 tahun bagi setiap acara mahupun setiap kursus yang dianjurkan, melonjakkan lagi proses pengantarabangsaan pendidikan dalam mengukuhkan kedudukannya sebagai pusat ilmu ternama bagi warga pendidik di negara ini.

Selaras dengan status kedua-dua badan ini sebagai gedung ilmu, penganjuran program TOURONKAI yang melibatkan kerjasama antara IPGKBA dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selain beberapa institusi dan badan lain merupakan kelebihan yang seharusnya dimanfaatkan dalam usaha untuk melakukan penambahbaikan terhadap amalan pendidikan di Malaysia.

Oleh sebab itu, atas dasar mementingkan kualiti pengurusan untuk setiap program yang akan dilaksanakan, pihak IPGKBA terus mengukuhkan keakraban yang terbina sebelum ini bersama-sama DBP dalam usaha sama untuk membina hubungan profesional seperti yang terkandung dalam dasar Transformasi Pendidikan Negara untuk meletakkan kualiti dan taraf pendidikan di negara ini setanding dengan negara maju seperti Jepun, Korea, Jerman, Perancis dan lain-lain tanpa mengabaikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Sehubungan itu, baru-baru ini Editor *Pelita Bahasa*, **Abd. Kadir Mohd. Ayub** berkesempatan menemu bual Puan Hajah Rohana Kamaruddin, Pengarah IPGKBA bagi mendapatkan pandangan beliau mengenai



Puan Hajah Rohana: "Perancangan strategik secara berterusan perlu dilakukan untuk mendapatkan idea yang unik."

program TOURONKAI 2016 yang melibatkan jalinan kerjasama antara IPGKBA dengan DBP:

**PB:** Apakah yang dimaksudkan dengan program TOURONKAI yang dijayakan sejak 2014? Apakah impak besar yang telah diraih oleh IPGKBA menerusi program TOURONKAI sejak mula diperkenalkan kepada masyarakat?

Program TOURONKAI merupakan satu platform yang dijalankan melalui bahagian Latihan Pembangunan Staf (LPS) IPGKBA. LPS akan melatih pensyarah untuk pelbagai pengisian bagi mengenal pasti apa-apa yang diperlukan mengikut tahap profesional individu masing-masing. Idea ini bermula apabila IPGKBA merupakan institusi kebangsaan yang telah melalui proses

pengantarabangsaan. Maka, kita bertindak mengangkat program ini kepada program perbincangan intelektual yang lebih tinggi dan kita mencari satu jenama pasaran tersendiri yang membezakannya dengan kampus bahasa Melayu. Oleh sebab IPGKBA ini merupakan kampus yang menggunakan bahasa Inggeris, Jepun, Jerman dan Perancis, maka saya mohon untuk menggabungkan nama-nama kecil ini sebagai akronim yang dinamakan sebagai TOURONKAI. TOURONKAI berasal daripada perkataan Jepun yang memberi maksud *intellectual discuss*. Apabila TOURONKAI ini mula dilaksanakan pada 2014, berlakunya satu perdebatan tentang maksud TOURONKAI.

Impaknya, program ini selari dengan misi dan visi IPGKBA yang mengangkat keintelektualan warga pendidik ke arah yang lebih tinggi dalam arena pendidikan negara, sekali gus menentukan hala tuju pendidikan untuk ditiraf di peringkat antarabangsa serta mampu mencetuskan revolusi pendidikan yang menjadi aspirasi negara.

**PB:** Apakah sebenarnya yang dimaksudkan sebagai kemahiran pendidikan abad ke-21 dalam konteks IPGKBA?

Secara umumnya, kemahiran pendidikan tersebut melibatkan kemahiran berfikir, kepemimpinan, kreatif dalam berfikir serta revolusi pengantarabangsaan dalam bidang pendidikan negara. Apabila taraf pendidikan negara mampu melangkah-sehingga ke peringkat antarabangsa, maknanya mudah untuk jurnal dan kajian ahli akademik di negara kita mendapat pengiktirafan di seluruh dunia.



Institut Pendidikan Guru Kuala Lumpur

**PB:** Apakah sumbangan yang diharapkan oleh pihak IPGKBA daripada DBP sebagai rakan kerjasama dalam program TOURONKAI?

Kita perlu berada di landasan dan strategi pemikiran yang betul untuk menjangkau tahap pendidikan negara pada peringkat antarabangsa. Sumbangan idea dan pemikiran daripada pihak DBP sememangnya mampu membantu IPGKBA memperluaskan lagi cabang ilmu khususnya dalam bidang penerbitan. Pada masa yang sama, ilmu yang diperolehi digunakan untuk menghasilkan karya-karya baharu untuk membantu pensyarah mahupun penuntut di IPGKBA dalam menghasilkan karya untuk memeriahkan lagi penerbitan DBP.

**PB:** Setujukah bahawa pensyarah dan penuntut di IPGKBA perlu diberi pendedahan dengan bahan terbitan DBP?

Saya bersetuju dengan kenyataan tersebut kerana masih terdapat dalam kalangan pensyarah mahupun pelajar di IPGKBA sendiri yang belum benar-benar memahami fungsi dan peranan DBP dalam konteks pemikiran yang lebih luas. Mereka hanya mengenali DBP sebagai badan yang hanya menghasilkan dan mengeluarkan buku. Sebenarnya mereka perlu lebih berinovasi dalam bidang pendidikan. Secara tidak langsung, hal ini dapat membantu DBP mengembangkan lagi bahasa serta penghasilan karya yang lebih berkualiti.

**PB:** Bagaimanakah Puan melihat perkembangan pensyarah yang ingin melonjakkan prestasi jika mereka berminat untuk menerbitkan bahan terbitan mereka dalam empat jurnal terbitan DBP?

Hal ini merupakan satu peluang yang sangat baik untuk pensyarah menambah dan mengembangkan idea mahupun karya yang diterjemahkan melalui penulisan mereka di DBP. Sebagai contoh, apabila mereka terlibat dengan pelbagai aktiviti di luar, khususnya dalam penulisan makalah, mereka dapat menambah tahap kompetensi masing-masing. Oleh itu, prestasi mereka akan lebih cemerlang dalam karier masing-masing.

**PB:** Sejauh manakah IPGKBA mampu membawa TOURONKAI untuk melancarkan lagi misi dan visi pendidikan negara ke peringkat antarabangsa?

Misi dan visi ini berjaya dilaksanakan melalui MTCP yang telah dijalankan oleh pihak kami seperti program pengantarabangsaan yang melibatkan bahasa Jerman, Perancis dan Jepun serta bahasa lain. Hal ini menunjukkan IPGKBA telah melakukan suatu yang unik. Begitu juga dengan acara yang melibatkan puisi antarabangsa dengan membuat komparatif antara puisi bahasa Jepun, Perancis dan Jerman. Selain itu, segala aktiviti contohnya seperti forum turut melibatkan ahli cendekiawan dari Jerman, Perancis dan Jepun serta sumbangan pemikiran dari warga pendidik itu sendiri.

**PB:** Apakah pandangan Puan tentang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)? Adakah perkara ini harus ditekankan dalam kalangan warga pendidik dan pelajar sahaja? Bagaimanakah pula kaitannya dengan keseluruhan rakyat Malaysia secara umum?

KBAT adalah untuk semua golongan bukan untuk guru dan pelajar sahaja. Pada peringkat IPG, golongan guru mempunyai kemahiran untuk mereka mendidik pelajar di sekolah. Pelajar pula menggunakan kemahiran berfikir ini sebagai alat untuk menyelesaikan masalah dalam pendidikan dan kehidupan mereka. Golongan pemimpin dan ahli profesional juga perlu menerapkan kemahiran ini untuk menjadi golongan minda kelas pertama dan mengaplikasikan perkara ini dalam bidang yang mereka ceburi secara berterusan demi kemajuan generasi akan datang.



**PB:** Harapan Puan untuk kerjasama ini DBP-IPGKBA ini.

Kita perlu melakukan pelbagai strategi termasuklah dalam aspek berfikir. Pertama, individu tersebut perlu menjalankan perancangan secara berterusan untuk mendapatkan idea yang unik. Oleh itu, gabungan kerjasama ini dilaksanakan berdasarkan visi dan misi yang jelas dan saya amat berharap kerjasama dengan pihak DBP dapat dilakukan secara berterusan demi memartabatkan bahasa supaya mencapai kejayaan pada peringkat antarabangsa. **PS**